

PENUTUP

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan penutup bagi disertasi ini dan akan membincangkan beberapa aspek iaitu : analisa, rumusan, saranan, dan akhirnya kesimpulan.

5.2 Analisa

Disertasi ini telah memulakan perbincangan dengan menghuraikan konsep riba yang diharamkan oleh Allah s.w.t.. Larangan mengambil faedah @ *interest* dalam transaksi pinjaman dan pembiayaan adalah berdasarkan terdapatnya unsur-unsur riba yang diharamkan oleh Allah dan RasulNya. Oleh itu, disertasi ini menerangkan kenapa riba itu diharamkan dalam Islam dan begitu juga oleh agama-agama Samawi yang lain.

Pengharaman riba juga dilihat dari sudut akidah, akhlak, sosial dan ekonomi. Dari segi akidah, amalan riba sangat dikutuk oleh Allah s.w.t. sehingga sesiapa yang mengingkari hukum haramnya riba boleh menjejaskan akidahnya sendiri. Dari sudut akhlak, orang yang memakan riba adalah orang yang bersifat kejam dan tidak berperikemanusiaan serta boleh merendahkan akhlak seseorang. Dari sudut sosial, orang yang memakan riba pada waktu orang lain sedang menghadapi kesempitan boleh menghapuskan *silah al-rahim* dan *mahabbah* dalam masyarakat Islam. Dari sudut ekonomi, orang yang memakan riba adalah orang yang suka mengambil keuntungan

secara tidak bermoral dan boleh menyebabkan harga barang melambung naik berlipat-lipat kali ganda dari harga asal.

Untuk memberikan garis panduan bagi mengenalpasti sesuatu transaksi urusniaga yang dijalankan itu terdapat unsur-unsur riba atau tidak, maka disertasi ini telah menerangkan jenis-jenis riba yang terdiri daripada *ribā al-naṣī'ah* dan *ribā al-faḍl*, serta ciri-ciri yang boleh menyebabkan sesuatu transaksi urusniaga muamalat Islam itu terdapat unsur-unsur riba. Di samping itu, disertasi ini juga membawa suatu gambaran sejarah sebab-sebab berlakunya amalan *ribā al-naṣī'ah* dan *ribā al-faḍl* terutamanya dalam transaksi pinjaman dan pembiayaan.

Julung kali sistem pembiayaan tanpa riba telah dipelopori oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIBM) yang mula beroperasi pada tahun 1983. Bank Islam berjaya melaksanakan 'Sistem Muamalat Tanpa riba' dalam operasi bank sepenuhnya dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam hampir keseluruhan produk yang ditawarkan terutamanya *al-murābahah* dan *al-bay' bi-thaman ājil*.

Bank Islam yang ditubuhkan ini juga didapati bahawa urusniaganya yang paling banyak dilaksanakannya ialah urusniaga yang bermekanismekan pembiayaan *al-murābahah* dan pembiayaan *al-bay' bi-thaman ājil*. Maka tidak mustahil Bank Islam begitu menyenangkan dengan pelaksanaan yang berlandaskan mekanisme tersebut itu. Ini bersesuaian dengan keperluan dalam perkembangan ekonomi negara dan kebetulan pula dengan meningkatnya permintaan daripada pelanggan dalam sistem pembiayaan tanpa riba.

Dapatlah disimpulkan bahawa sistem pelaksanaan pembiayaan tanpa riba perlu dipertingkatkan lagi secara keseluruhannya. Sistem muamalat tanpa riba ini mestilah dilaksanakan oleh kakitangan Bank Islam Malaysia Berhad dengan cekap, bersungguh-sungguh demi menjaga nama baik Islam itu sendiri.

Dengan pelaksanaan mekanisme pembiayaan *al-murābahah* dan *al-bay' bi-thaman ājil*, adalah perlu bagi pihak pelaksana mengambil berat dengan syarat dan rukun yang penting dalam mekanisme *al-murābahah* terutamanya iaitu menyebutkan dengan jelas kos harga barangan dan keuntungan ketika transaksi aqad jual beli *al-murābahah* dimeterai. Kos harga barangan dan keuntungan adalah rukun yang wajib disebut oleh penjual atau pembiaya ketika menjual barangan *al-murābahah* itu kepada pelanggan.

Oleh yang demikian, segala kejayaan sistem pembiayaan tanpa riba yang dilaksanakan mestilah dimulakan dengan niat yang ikhlas untuk mencari rezeki dan kekayaan yang halal dan diberkati. Bagi mencapai niat yang murni itu, setiap pelaksanaan memerlukan ilmu yang mendalam, kefahaman yang jelas, amalan urusaniaga yang mematuhi lunas-lunas hukum syara' dan etika kerja berdasarkan akhlak Islam yang baik. Semakin seseorang itu sibuk dengan perniagaan, semakin dekat dirinya dengan Allah kerana kekayaan yang dikejar sebenarnya ada disisi Allah s.w.t..

5.3 Rumusan

Sistem pembiayaan tanpa riba di Malaysia telah berjalan dengan lancar semenjak ianya dilaksanakan melalui penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad. BIMB adalah suatu bank perdagangan Islam, di mana segala undang-undang peraturan dan cara-caranya secara jelas berlandaskan kepada asas-asas Syariat Islam.

Matlamat utama sistem pembiayaan tanpa riba bukanlah untuk mencapai keuntungan maksima semata-mata, tetapi juga untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Dengannya, ia dapat memberi alternatif-alternatif lain sebagai pengganti kepada mekanisme bunga iaitu riba.

Perkembangan sistem pembiayaan tanpa riba yang menjadi operasi teras di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) adalah sebahagian daripada senario yang lebih luas dari perkembangan sistem pembiayaan tanpa riba di dunia Islam. Banyak sebab dan faktor mengapa sistem pembiayaan tanpa riba dilaksanakan di Malaysia. Antara sebab-sebab utamanya ialah desakan dan kehendak masyarakat Islam yang mahukan satu institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan pembiayaan yang berlandaskan syara'. Di samping itu, keadaan politik yang cenderung kepada imej Islam telah menyebabkan usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam berjalan dengan lebih agresif lagi.

Sesungguhnya kini terbukti bahawa BIMB adalah sebuah bank yang dapat mengisi kekosongan sistem perbankan tanpa faedah yang telah ketinggalan berbanding pelbagai bank konvensional yang sudah bertapak begitu lama di tanahair. Antara mekanisme-mekanisme pembiayaan yang dipakai di BIMB ialah *mushārahah*, *muḍārahah*, *murābahah*, *bay' bi-thaman ājil*, *ijārah* dan *qardul ḥasan*, di samping beberapa aqad amanah seperti *wadi'ah*, *wakālah*, *kafālah* dan sebagainya.

Di BIMB, *muḍārabah* merupakan konsep akaun pelaburan am yang digelar akaun tetap oleh bank konvensional. Pembiayaan projek pembangunan seperti perlombongan, pengangkutan, pertanian dan sebagainya juga dikendalikan menurut kaedah *muḍārabah*. Sementara itu, konsep *mushārah* pula merupakan asas pembiayaan projek usahasama di BIMB. Urusniaga surat kredit juga dikendalikan menurut konsep *mushārah*.

Di samping itu, konsep *wadī'ah* pula digunakan oleh BIMB untuk mengendalikan akaun semasa dan akaun simpanan. Sementara *qarḍul ḥasan* pula merupakan satu kemudahan *overdraft* atau modal yang diberikan oleh BIMB kepada penyimpan-penyimpan akaun semasa.

Instrumen-instrumen lain seperti *bay' bi-thaman ājil*, *murābahah* dan *ijārah* juga berjalan di BIMB dan merupakan instrumen-instrumen yang paling banyak mendapat permintaan dari pelanggan berbanding *muḍārabah* dan *mushārah*. Perbezaan dari segi kekerapan penggunaan instrumen-instrumen tersebut adalah kerana wujudnya elemen risiko. BIMB lebih tertarik dengan mekanisme pembiayaan yang lebih selamat dan kawalan akaun yang lebih mudah. Walaubagaimanapun, pelaksanaan mekanisme *muḍārabah*, *mushārah*, *bay' bi-thaman ājil* dan sebagainya, ia bergantung kepada bentuk organisasi, bentuk projek, analisa-analisa kredit dan berbagai-bagai faktor lain lagi. Jadi, BIMB terlebih dahulu akan membuat tinjauan dan penyelidikan yang terperinci sebelum menentukan sesuatu mekanisme pembiayaan yang akan dijalankannya.

Antara sebab-sebab yang boleh dirumuskan mengapa *bay' bi-thaman ājil* dan *murābahah* paling mendapat perhatian di kalangan pelanggan ialah :

- a. Dengan tempoh bayaran yang pendek, ansuran bulanan lebih rendah daripada Bank Konvensional.
- b. Harga jualan lebih rendah dijumlahkan di akhir tempoh pembiayaan.
- c. Pelanggan dapat menikmati pembiayaan 100% kepada mereka yang layak.
- d. Kadar keuntungan dikira berdasarkan baki pokok bulanan.
- e. Sekiranya pelanggan membayar lebih daripada amaun ansuran bulanan yang telah dipersetujui, lebihan harga ini akan mengurangkan baki pokok pembiayaan dan mempercepatkan tamat tempoh pembiayaan.

Selain daripada itu, hasil kajian telah memaparkan bahawa mekanisme untung purata adalah satu-satunya alternatif kepada mekanisme faedah. Dalam erti kata lain, sekiranya faedah @ *interest* menjadi nadi kepada kewujudan institusi kewangan konvensional, maka nadi kepada kewujudan BIMB ialah untung purata. Sekiranya mekanisme untung purata ini terjejas bererti BIMB tidak dapat mewakili pengurusan kewangan tanpa faedah mengikut konsep Islam. Oleh kerana itu, pengwujudkan sistem pembiayaan tanpa riba di BIMB adalah berorientasikan keuntungan. Walaubagaimanapun, faktor agama adalah pendorong utama. Keadaan ini tidak menimbulkan konflik kerana dalam Islam tidak ada percanggahan antara aspirasi

rohaniah manusia dengan matlamat kebendaannya. Kebahagiaan rohani dan keberkatan kebendaan sentiasa berjalan seiring dalam kesatuan Islam sejajar dengan tuntutan fitrah manusia.

Oleh itu, BIMB telah membuat pengubahsuaian terhadap beberapa aqad fiqh Islam untuk disesuaikan dengan kehendak semasa. Pengubahsuaian ini dibuat memandangkan pemakaian aqad-aqad tersebut sebagaimana yang terdapat dalam fiqh Islam boleh menyebabkan sesuatu matlamat urusniaga terutamanya keuntungan tidak dapat dicapai. Contohnya, mekanisme *murābahah* yang banyak menerima prosedur dan syarat tambahan yang sesuai dengan keperluan semasa untuk menjamin keuntungan dan kemudahan kepada pelanggan.

Jadi, ini juga bermakna kehendak syariat tidak seharusnya alasan kepada ketidakcekapan, kejumudan sistem pembiayaan tanpa riba. Malah, Syariat Islam mengizinkan peranan akal manusia mengikut realiti semasa dan setempat selagi tidak bertentangan dengan prinsip syariat. Sistem Muamalat Islam merupakan sesuatu yang dinamik dan persoalan yang berhubung dengan fiqh muamalat merupakan suatu bidang yang paling banyak melahirkan pelbagai mazhab. Jadi, sewajarnya ia diterapkan agar persoalan fiqh Islam akan sentiasa hidup dengan pelbagai perbahasan ilmiah bagi menyesuaikan dengan keperluan masyarakat pada satu-satu zaman.

Melihat kepada perkembangan perkhidmatan BIMB yang semakin cepat, terbukti BIMB kian melangkah ke era cemerlang. Kemampuan BIMB bersaing dengan institusi-institusi kewangan konvensional telah membuka mata semua pihak. Media antarabangsa turut mengiktiraf sistem perbankan tanpa faedah adalah satu-satunya

usaha perniagaan yang berdaya maju dan lebih memberi keadilan kepada orang ramai kerana pelaksanaannya adalah secara usahaniaga.

5.4 Saranan

Memandangkan sebilangan pemimpin negara Islam sudah sedar akan bahaya riba dalam amalan pembiayaan, maka sewajarnya langkah-langkah praktikal perlu disarankan kepada mereka. Selain daripada itu, pihak pengurusan BIMB perlulah mencipta dan meneroka instrumen-instrumen pembiayaan Islam yang baru, di samping mengislamisasikan instrumen-instrumen konvensional secara berperingkat agar selari dengan kehendak Islam.

Sebenarnya, terdapat empat perkara yang harus diislamisasikan dalam sistem pembiayaan yang ada sekarang, iaitu ; pertama, amalan riba ; kedua, pasaran wang, pasaran modal dan pasaran saham ; ketiga, amalan agen-agen atau mereka yang mengambil bahagian dalam institusi kewangan yang tidak selaras dengan Syariat Islam ; dan keempat, undang-undang yang telah digubal yang sesuai untuk sistem pembiayaan sekarang tetapi bercanggah dengan Islam.

Tidak dapat dinafikan wujudnya sikap negatif pelanggan BIMB sendiri yang terbawa-bawa dengan sikap pelanggan bank konvensional serta kefahaman yang tidak menyeluruh terhadap konsep pembiayaan Islam itu sendiri. Ini secara tidak langsung memberikan kesan buruk terhadap kewujudan sistem pembiayaan tanpa riba di tanahair.

Suasana umum masyarakat, baik dari segi politik, psikologi dan adat resam juga memberi kesan yang besar kepada perkembangan BIMB. Kesemua ini memerlukan analisa yang baik dan sempurna serta organisasi pentadbiran yang berwibawa. Jadi, langkah-langkah promosi dan penerangan perlu dipergiat dan dijalankan dengan lebih agresif dan meluas bukan sahaja kepada para pelanggan BIMB sahaja, tetapi mencakupi masyarakat luar tanpa mengira agama dan kaum.

Selain daripada itu, pengiklanan perkhidmatan di televisyen dan media-media elektronik lain merupakan satu langkah yang boleh memberikan kefahaman kepada orang ramai. Di samping itu, BIMB sendiri perlu memastikan pegawai dan pekerja yang baru memahami dengan mendalam konsep-konsep pembiayaan Islam, agar tidak berlaku kekeliruan tentang instrumen-instrumen sistem pembiayaan tanpa riba.

Usaha-usaha memberi kefahaman kepada masyarakat juga harus diambil perhatian dan langkah-langkah mendidik perlu dilakukan mengenai hakikat sebenar di sebalik urusan pembiayaan Islam di BIMB. Ini kerana wujudnya salah anggapan yang menyatakan BIMB adalah satu institusi kebajikan atau sekurang-kurangnya sebuah institusi yang menjanjikan syarat yang lebih lumayan dan lebih menguntungkan mereka berbanding dengan bank konvensional.

Pendekatan yang sesuai amat penting untuk menarik lebih ramai lagi bakal pelanggan menggunakan mekanisme-mekanisme pembiayaan tanpa riba. Contohnya, pendekatan berunsurkan agama seperti pengharaman riba, *gharar* dan sebagainya oleh Allah s.w.t. diperlukan untuk menawan hati masyarakat Islam. Manakala pendekatan perniagaan dan perkhidmatan amat sesuai kepada mereka yang bukan Islam.

Di samping itu, pihak kerajaan, ahli-ahli akademik dan masyarakat boleh memainkan peranan secara tidak langsung membantu pertumbuhan dan perkembangan mekanisme pembiayaan tanpa riba di BIMB. Antara langkah-langkah tertentu yang boleh dijalankan oleh kerajaan ialah dengan menyalurkan sebahagian besar deposit ke dalam akaun pelaburan Islam. Ini akan menjadi realiti sekiranya kerajaan pusat, kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan badan-badan tertentu di bawah pentadbiran kerajaan menggunakan instrumen di BIMB untuk menyimpan deposit mereka dan memenuhi keperluan pembiayaan bagi projek-projek mereka. Jumlah dana sektor awam adalah besar dan sekiranya dana ini dilaburkan ke dalam bentuk akaun *mudārabah* di BIMB, jumlah deposit perbankan Islam akan bertambah dan tidak akan menjadi suatu masalah kepada BIMB untuk menjalankan instrumen pembiayaannya.

Selain daripada itu, ahli-ahli akademik dan pengamal perundangan boleh mengambil langkah-langkah ilmiah dengan menjalankan penulisan-penulisan akademik dalam bentuk undang-undang perbandingan antara Islam dan konvensional. Di samping itu, perlunya wujud usaha-usaha di peringkat penggubal undang-undang dan kehakiman untuk menjadikan undang-undang Islam dalam bentuknya yang fleksibel dan luas sebagai salah satu sumber perundangan dalam aspek perniagaan dan Muamalat Islam. Ini akan memberi ruang kepada hakim-hakim kita merujuk kepada undang-undang Islam, terutamanya apabila timbul sesuatu isu atau permasalahan tentang sistem pembiayaan tanpa riba. Secara tidak langsung, orang ramai akan lebih biasa dan yakin terhadap sistem pembiayaan tanpa riba dan sudah pastinya menukar haluan ke Bank Islam Malaysia Berhad untuk memenuhi segala keperluan mereka.

5.5 Kesimpulan

Daripada analisa, rumusan dan saranan yang dikemukakan, didapati bahawa pelaksanaan sistem pembiayaan tanpa riba di BIMB adalah satu langkah positif yang perlu diberi sokongan oleh semua pihak. Namun begitu, dalam konteks *tajdīd* dan *pengislāhan* sistem pembiayaan, pendekatan yang diambil oleh kerajaan Malaysia tidak memadai sekiranya pendekatan tersebut tidak disusuli dengan langkah-langkah ke arah satu pembiayaan tanpa riba yang unggul.